BAB 2

Tinjauan Ekonomi Global

53 PERSPEKTIF KESELURUHAN

54 EKONOMI GLOBAL 2026

Sisipan 2.1 – GRID KUASA ASEAN: PERSPEKTIF MALAYSIA

68 TINJAUAN EKONOMI GLOBAL 2027

72 KESIMPULAN

73 RUJUKAN

BAB 2

Tinjauan Ekonomi Global

Perspektif Keseluruhan

Pertumbuhan ekonomi global dijangka kekal berdaya tahan dalam tempoh terdekat seterusnya mengimbangi impak ketara krisis di Asia Barat dengan kepesatan sektor teknologi. Penutupan Selat Hormuz telah mencetuskan kejutan bekalan tenaga sekali gus melonjakkan kadar inflasi global dan membebankan ekonomi pengimport tenaga. Walau bagaimanapun, pelaburan berskala besar yang berterusan dalam kecerdasan buatan (AI), teknologi dan infrastruktur digital mengimbangi kesan negatif tersebut di samping mengekalkan kestabilan paras guna tenaga global. Situasi ini mewujudkan perbezaan pertumbuhan ekonomi global apabila ekonomi yang bergantung tinggi terhadap teknologi serta negara pengeluar tenaga mencatatkan pengembangan yang lebih kukuh manakala ekonomi yang bergantung kepada pengimportan tenaga dan sektor pembuatan tradisional terus berhadapan dengan kekangan.

Ekonomi global diunjur bertambah baik dengan kadar inflasi menyederhana seiring dengan tekanan berkaitan tenaga yang dijangka mereda. Walaupun perdagangan global dijangka kekal terjejas berikutan ketegangan geopolitik yang berterusan serta perubahan dalam rantaian bekalan, namun pengembangan berterusan pelaburan AI, teknologi dan digital dapat menyokong pertumbuhan ekonomi. Masa hadapan berteraskan teknologi akan membantu menstruktur semula pasaran tenaga kerja ke arah tenaga kerja berkemahiran tinggi. Secara dasar, ekonomi yang berintegrasi tinggi dalam rantaian bekalan teknologi serta mencapai keterjaminan tenaga akan berkembang pesat manakala ekonomi yang bergantung kepada industri pembuatan tradisional akan menghadapi prospek ekonomi yang mencabar.

Ekonomi Global 2026

Pada 2026, pertumbuhan ekonomi global dijangka kekal berdaya tahan meskipun berhadapan dengan ketegangan geopolitik, gangguan bekalan tenaga dan ketidaktentuan perdagangan global. **Pertumbuhan KDNK global** diunjur pada kadar 3% pada 2026 disokong oleh pelaburan berterusan dalam bidang AI, teknologi dan infrastruktur digital. Walau bagaimanapun, kelebihan pertumbuhan berkemungkinan kekal tidak diagih secara seimbang merentas ekonomi didorong oleh perbezaan struktur dari segi kerentanan ekonomi terhadap konflik geopolitik, kejutan bekalan tenaga serta peralihan dalam kitaran teknologi global.

Ekonomi global pada 2026 berdepan tekanan signifikan akibat krisis di Asia Barat terutamanya akibat gangguan bekalan sumber tenaga. Ketidaktentuan pasaran tenaga global yang memuncak berikutan penutupan Selat Hormuz telah melonjakkan harga tenaga ke paras yang lebih tinggi. Peningkatan kos tenaga ini memberikan bebanan kepada operasi komersial berikutan peningkatan kos pengeluaran dan pengangkutan di samping menjejaskan aktiviti korporat dan menghakis kuasa beli domestik. Ekonomi pengimport tenaga mudah terjejas manakala ekonomi dengan bekalan tenaga dan sektor teknologi lebih berdaya tahan untuk menyerap kejutan tersebut. Walaupun berhadapan dengan tekanan tersebut, pelaburan yang kukuh dalam AI, teknologi dan infrastruktur digital menjadi sumber sokongan yang penting kepada ekonomi global.

Dalam kalangan **ekonomi maju**, pertumbuhan dijangka kekal sederhana pada kadar 1.7% memandangkan kos tenaga yang lebih tinggi, tekanan inflasi dan ketidaktentuan geopolitik menjejaskan permintaan domestik serta keyakinan perniagaan. Walau bagaimanapun, negara yang berkeupayaan teknologi tinggi dijangka meraih manfaat daripada peningkatan pelaburan dalam AI, teknologi dan infrastruktur digital. Keadaan ini melebarkan jurang antara negara yang berintegrasi tinggi dalam rantaian nilai teknologi global dengan negara yang masih bergantung kepada industri pembuatan tradisional dan tenaga import.

Pertumbuhan dalam **pasaran baru muncul dan ekonomi sedang membangun (EMDE)** turut diunjur kekal tidak sekata pada kadar 3.8%. Negara pengimport tenaga dijangka mengalami tekanan yang lebih besar berikutan kos tenaga dan pengangkutan yang lebih tinggi manakala negara pengeluar tenaga berpotensi mendapat manfaat daripada hasil tenaga yang lebih tinggi. Sementara itu, negara yang berintegrasi dalam rantaian bekalan berkaitan AI dijangka mempunyai prospek pertumbuhan yang lebih baik seiring dengan pelaburan teknologi global yang berterusan.


Kadar pengangguran global dijangka mencatat 4.9% menunjukkan bahawa pasaran tenaga kerja kekal berdaya tahan meskipun berdepan dengan persekitaran ekonomi yang mencabar. Kadar **inflasi** pula dijangka kekal tinggi berikutan kenaikan harga tenaga dan komoditi. Inflasi global diunjur meningkat kepada 4.7% sekali gus menghakis sebahagian daripada pencapaian dalam membendung tekanan inflasi pada tahun sebelumnya.

SISIPAN 2.1

GRID KUASA ASEAN: PERSPEKTIF MALAYSIA

Sektor tenaga sedang mengalami transformasi yang ketara ketika kebanyakan negara berusaha untuk mengurangkan kebergantungan terhadap bahan api fosil dan mempercepat penerimagunaan sumber tenaga elektrik yang lebih bersih. Peningkatan permintaan tenaga elektrik didorong oleh kepesatan kecerdasan buatan (AI), pusat data, kenderaan elektrik (EV) serta elektrifikasi industri yang secara tradisi bergantung kepada bahan api fosil. Skala transformasi ini amat ketara di Asia Tenggara. Menurut International Energy Agency (IEA), permintaan tenaga elektrik serantau meningkat lebih 7% pada 2024 iaitu hampir dua kali ganda berbanding purata global. Berdasarkan senario dasar semasa IEA, permintaan tenaga elektrik di rantau ini diunjur berkembang sekitar 4% setahun sehingga 2035 iaitu meningkat daripada 1,300 terawatt-jam (TWh) kepada melebihi 2,000 TWh seperti dalam Rajah 2.1.1.

RAJAH 2.1.1. *Peningkatan Permintaan Tenaga di ASEAN*



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Peningkatan permintaan tenaga elektrik mewujudkan keperluan terhadap kapasiti penjanaan tambahan serta pelaburan dalam rangkaian penghantaran dan pengagihan tenaga elektrik di seluruh Asia Tenggara. Laporan IEA menganggarkan bahawa ASEAN memerlukan pelaburan melebihi USD300 bilion untuk pembangunan grid kuasa elektrik antara 2025 dan 2040. Nilai ini mewakili peningkatan sebanyak 72% berbanding pelaburan berjumlah USD174 bilion dalam tempoh 2009 – 2024. Kerjasama serantau menjadi semakin penting memandangkan Negara-negara Anggota ASEAN (AMS) mempunyai profil permintaan tenaga elektrik, campuran bekalan kuasa dan potensi tenaga boleh baharu (TBB) yang berbeza.

Grid Kuasa ASEAN (APG) telah diwujudkan sebagai inisiatif serantau untuk mengukuhkan kesalinghubungan tenaga elektrik, meningkatkan keselamatan tenaga dan memudahkan perdagangan tenaga elektrik rentas sempadan dalam kalangan AMS. Walaupun APG telah menjadi objektif serantau sejak 1980-an, namun perkembangan terkini menunjukkan kemajuan yang ketara bagi inisiatif ini. Perkembangan tersebut merangkumi perluasan Projek Integrasi Kuasa Republik Demokratik Rakyat Lao–Thailand–Malaysia–Singapura (LTMS-PIP), kemajuan ke arah rangka kerja serantau bagi kabel kuasa dasar laut dan pewujudan inisiatif pembiayaan baharu bagi menyokong pembangunan APG.

Projek LTMS-PIP merupakan contoh praktikal kemajuan dalam integrasi tenaga elektrik serantau yang mula beroperasi pada 2022 dan membolehkan perdagangan tenaga elektrik antara Republik Demokratik Rakyat Lao, Thailand, Malaysia dan Singapura melalui rangkaian penghantaran sedia ada. Pada 2025, projek ini memasuki fasa seterusnya dengan meningkatkan kapasiti pindahan tenaga elektrik maksimum daripada 100 megawatt (MW) kepada 200 MW bagi penghantaran tenaga dari Republik Demokratik Rakyat Lao ke Singapura melalui Thailand dan Malaysia.

Malaysia memainkan peranan penting dalam proses integrasi serantau ini. Penyertaan dalam LTMS-PIP memberikan pengalaman dalam perdagangan tenaga elektrik rentas sempadan pelbagai hala. Malaysia turut menyumbang usaha untuk membangunkan mekanisme pembiayaan APG semasa Kepengerusian ASEAN pada 2025 termasuk libat urus dengan institusi kewangan, bank pembangunan pelbagai hala (MDB) dan penyedia modal yang lain. Inisiatif Pembiayaan Grid Kuasa ASEAN (APGF) telah dilancarkan di Kuala Lumpur, Malaysia pada Oktober 2025 oleh World Bank Group (WBG), Asian Development Bank (ADB), ASEAN serta ASEAN Centre for Energy (ACE) bagi menyokong pelaburan dalam infrastruktur elektrik serantau.

Walau bagaimanapun, pembangunan APG turut berhadapan dengan beberapa cabaran termasuk keperluan terhadap aspek penyelarasan kawal selia dan teknikal yang lebih utuh, kesepaduan perdagangan tenaga elektrik rentas sempadan, model pelaburan dan perniagaan yang bersesuaian serta pembiayaan berskala besar bagi infrastruktur grid. Cabaran tersebut adalah penting untuk Malaysia bagi mengimbangi antara integrasi tenaga elektrik serantau dengan keselamatan tenaga domestik, keperluan infrastruktur dan pembangunan pasaran tenaga elektrik rentas sempadan yang kompetitif.

Daripada Visi kepada Realiti

Inisiatif APG berlandaskan idea bahawa AMS mampu meraih manfaat melalui kesalinghubungan sistem tenaga elektrik serantau. Pada masa ini, sebahagian besar AMS menguruskan sistem tenaga elektrik pada peringkat domestik. Walau bagaimanapun, permintaan dan penawaran tidak semestinya bergerak pada arah yang sama. Ketersediaan tenaga elektrik dalam kalangan AMS adalah berbeza dan kesalinghubungan rentas sempadan berupaya membantu menyeimbangkan perbezaan tersebut. Negara anggota yang mempunyai lebihan tenaga elektrik boleh mengeksport manakala negara yang memerlukan bekalan tambahan boleh mengimport.

Penggunaan elektrik ASEAN telah meningkat sebanyak sembilan kali ganda sejak 1990 dan dijangkakan akan terus berkembang pada kadar 3% hingga 4% setahun sehingga 2040 berdasarkan laporan IEA. Inisiatif APG memerlukan pelaburan yang besar antara 2025 dan 2040

bagi memperluas dan memodenkan rangkaian grid tenaga elektrik. Justeru, APG tidak boleh dibangunkan hanya melalui pembiayaan kerajaan tetapi juga daripada bank pembangunan, bank komersial, pelabur swasta dan institusi kewangan yang lain.

Kelebihan Strategik Malaysia

Malaysia bukan sekadar titik penghubung di dalam ekosistem APG tetapi juga negara yang merentasi dua daripada tiga subsistem utama grid tersebut dengan kedudukan Semenanjung Malaysia di subsistem Selatan manakala Sabah dan Sarawak di subsistem Timur. Secara geografi, Malaysia merupakan jambatan semula jadi yang menghubungkan tanah besar Asia Tenggara dengan kepulauan Borneo. Semenanjung Malaysia telah mempunyai kesalinghubungan elektrik dengan Thailand dan Singapura manakala Sarawak juga melaksanakan perdagangan tenaga dengan Kalimantan Barat. Selain itu, Malaysia merupakan negara perkhidmatan laluan dalam aktiviti perdagangan tenaga elektrik pelbagai hala ASEAN yang pertama. Pada Januari 2026, LTMS-PIP telah membolehkan Malaysia memperoleh caj rangkaian atas penggunaan sistem penghantaran secara berasingan daripada jualan tenaga.

Malaysia merupakan antara AMS terawal yang berperanan aktif dalam perdagangan tenaga elektrik rentas sempadan bermula dengan Projek Integrasi Kuasa Republik Demokratik Rakyat Lao–Thailand–Malaysia (LTM-PIP) pada 2018 dan diikuti oleh projek LTMS-PIP pada 2022. Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Filipina (BIMP) telah mengumumkan Projek Integrasi Kuasa BIMP (BIMP-PIP) melalui satu kenyataan bersama. Inisiatif ini bertujuan untuk meneroka potensi kesalinghubungan tenaga elektrik yang lebih meluas merentas Borneo di samping memperkukuh kerjasama tenaga serantau dan ketersambungan dalam kalangan AMS yang mengambil bahagian.

Memanfaatkan Kedudukan Geografi Malaysia

Kedudukan geografi Malaysia yang unik mewujudkan hubungan rapat dengan pasaran tenaga elektrik ASEAN termasuk Brunei Darussalam, Indonesia, Singapura dan Thailand. Kesalinghubungan sedia ada serta perancangan integrasi dengan sistem negara jiran memberikan peluang kepada Malaysia untuk memainkan peranan yang lebih penting dalam perdagangan tenaga elektrik serantau. Kedudukan Malaysia membolehkan bekalan tenaga elektrik disalurkan di antara pasaran yang berbeza selari dengan pertambahan ketersambungan rentas sempadan yang dibangunkan. Malaysia terbahagi secara geografi kepada Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dengan setiap wilayah mengendalikan rangkaian tenaga serta infrastruktur kuasa yang berbeza. Sarawak khususnya, memiliki sumber kuasa hidro yang besar dan memberikan Malaysia kelebihan akses kepada pelbagai sumber tenaga elektrik dan mampu menyokong aktiviti perdagangan serantau yang lebih luas.

Peningkatan Permintaan Tenaga Elektrik

Permintaan tenaga elektrik Malaysia meningkat ketara dengan Semenanjung Malaysia memaparkan peningkatan semasa waktu puncak sebanyak 4.9% daripada 20,066 MW pada 2024 kepada 21,049 MW pada 2025. Pertambahan keperluan ini memberikan tekanan ke atas sistem tenaga elektrik Malaysia untuk memastikan keupayaan kapasiti yang mencukupi bagi memenuhi permintaan pada masa hadapan. Sehubungan dengan itu, Malaysia perlu memperluas dan mengukuhkan sistem

tenaga elektrik sebelum mempertimbangkan permintaan tambahan yang dijangka wujud berikutan aktiviti eksport elektrik serantau. Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang bertindak sebagai syarikat utiliti tenaga elektrik nasional menjangkakan permintaan tenaga elektrik di Semenanjung Malaysia akan terus berkembang dengan unjuran sekitar 141.87 TWh pada 2026 dan 148.66 TWh pada 2027 yang mewakili kadar pertumbuhan purata tahunan sekitar 4.9%. Unjuran ini menunjukkan pelaburan berterusan dalam penjanaan tenaga elektrik, rangkaian penghantaran dan infrastruktur grid amat diperlukan bagi memastikan Malaysia berupaya memenuhi permintaan domestik yang kian meningkat di samping mengekalkan bekalan tenaga elektrik berdaya harap dan terjamin.

Ketersediaan Infrastruktur


Sistem elektrik Malaysia yang maju disokong oleh sektor kuasa yang mapan serta infrastruktur penghantaran yang meluas. Grid nasional di Semenanjung Malaysia dikendalikan oleh TNB yang merangkumi rangkaian penghantaran 132 kilovolt (kV), 275kV dan 500kV bertanggungjawab untuk memastikan operasi sistem penghantaran elektrik yang selamat, berdaya harap dan ekonomik. Walau bagaimanapun, sistem tersebut perlu ditambah baik selari dengan peningkatan permintaan tenaga elektrik, terutamanya di kawasan yang mengalami pertumbuhan pesat projek pusat data dan perindustrian. Sehingga Disember 2025, pusat data menyumbang sebanyak 850 MW penggunaan beban sebenar daripada sekitar 4.5 Gigawatt (GW) kapasiti. Selain itu, TNB turut melaporkan bahawa projek dalam perancangan akan memerlukan penggunaan beban sehingga 7.5 GW sekali gus menunjukkan potensi pertumbuhan yang berterusan bagi permintaan tenaga elektrik.

Perluasan grid bukan sahaja penting untuk menyokong perdagangan tenaga elektrik serantau malah bagi memenuhi keperluan domestik yang semakin meningkat. Sistem kuasa yang berdaya harap juga penting untuk menarik pelaburan baharu kerana industri berintensifkan tenaga seperti pusat data memerlukan ketersambungan tenaga elektrik yang boleh ditingkatkan dan terjamin. Pelaburan berterusan TNB dalam kapasiti dan daya tahan grid amat kritikal bagi menyokong pertumbuhan ekonomi di samping mengekalkan kebolehpercayaan dan keterjaminan bekalan elektrik Malaysia.

Potensi Tenaga Boleh Baharu

Malaysia mempunyai potensi yang amat besar dalam pembangunan TBB terutamanya kuasa solar berikutan penerimaan sinaran cahaya matahari yang tinggi sepanjang tahun di samping sumber kuasa hidro yang signifikan di Sarawak. Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melaporkan bahawa TBB menyumbang sebanyak 31% daripada kapasiti penjanaan terpasang negara sehingga Oktober 2025 seperti dalam Rajah 2.1.2. Malaysia telah menetapkan sasaran untuk mencapai 40% kapasiti TBB menjelang 2035 dan 70% menjelang 2050. Pembangunan TBB berupaya membantu Malaysia mengurangkan kebergantungan kepada bahan api fosil secara berperingkat. Selain itu, TBB juga mampu menjana kapasiti tenaga elektrik untuk didagangkan dengan negara jiran dan menjadi semakin penting memandangkan syarikat antarabangsa sedang giat berusaha untuk mengurangkan pelepasan karbon yang dikaitkan dengan operasi syarikat. Akses kepada bekalan tenaga elektrik yang lebih bersih akan menjadikan Malaysia sebagai pilihan pelaburan syarikat antarabangsa.

RAJAH 2.1.2. *Potensi Tenaga Boleh Baharu*



Sumber: Suruhanjaya Tenaga dan Tenaga Nasional Berhad

Sokongan Ekosistem Kewangan

Projek tenaga berskala besar memerlukan pembiayaan yang tinggi terutamanya bagi pembangunan rangkaian penghantaran, projek TBB, loji kuasa dan sistem penyimpanan tenaga. Potensi sumber pembiayaan di Malaysia disalurkan oleh Kerajaan, bank tempatan, institusi kewangan pembangunan, MDB dan pelabur swasta. Misalnya, ADB telah memberikan komitmen sehingga USD10 bilion bagi tempoh 10 tahun akan datang untuk menyokong inisiatif APG termasuk mengukuhkan kesalinghubungan rentas sempadan, menambah baik grid nasional dan melaksanakan projek TBB. Sementara itu, WBG telah menyumbang geran berjumlah USD12.7 juta untuk penyediaan projek APG yang merangkumi geran awal sebanyak USD5 juta pada 2024 dan dana tambahan sebanyak USD7.7 juta pada 2025.

Peluang dan Cabaran


Hab Perdagangan Tenaga Elektrik

Antara peluang terbesar yang boleh dimanfaatkan oleh Malaysia daripada rangka kerja ini adalah perdagangan tenaga elektrik. Malaysia berpotensi mengeksport tenaga elektrik apabila terdapat lebihan penjanaan dan mengimport apabila bekalan domestik menghadapi kekangan. Perkara ini boleh mewujudkan pelbagai peluang bagi syarikat utiliti dan tenaga serta institusi kewangan dan perniagaan lain untuk mendapat manfaat daripada rangka kerja ini. Malaysia telah menggunakan mekanisme Energy Exchange Malaysia (ENEGEM) bagi menyokong penjualan TBB rentas sempadan ke Singapura. Inisiatif APG berupaya membolehkan pengaturan sedemikian untuk berkembang dari semasa ke semasa dan menjadi sebahagian daripada pasaran tenaga elektrik serantau yang lebih menyeluruh.

Perkembangan Pusat Data

Pembangunan pusat data merupakan antara contoh paling jelas bagi peningkatan keperluan tenaga elektrik di Malaysia memandangkan negara telah berjaya menarik jumlah pelaburan yang besar dalam sektor ini. Sehingga September 2025 sebanyak 49 pusat data telah memeterai perjanjian bekalan elektrik bersama TNB menunjukkan permintaan elektrik daripada pusat data semakin meningkat. Perkembangan ini menunjukkan potensi permintaan maksimum sekitar 7.1 GW seperti dalam Rajah 2.1.3. Penggunaan elektrik sebenar oleh pusat data telah meningkat ketara dan mencecah sekitar 710 MW berbanding dengan 405 MW pada penghujung 2024. Perkembangan tersebut menunjukkan bahawa pusat data bukan sahaja merupakan peluang bagi Malaysia berikutan sumbangan kepada aktiviti ekonomi yang signifikan tetapi pada masa yang sama turut mewujudkan cabaran dari segi keperluan bekalan tenaga elektrik berskala besar dan berdaya harap.

RAJAH 2.1.3. *Permintaan Tenaga Elektrik bagi Pusat Data*



Sumber: Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Malaysia dan Tenaga Nasional Berhad

PETRA mengunjurkan permintaan tenaga elektrik daripada pusat data berpotensi mencecah 12.9 GW pada 2030 dan 20.9 GW menjelang 2040 serta keperluan untuk menangani cabaran ini. Sehubungan dengan itu, Malaysia perlu memperluas keupayaan grid elektrik di samping meningkatkan ketersediaan TBB. Kementerian ini giat mempromosi pembangunan TBB serta kesalinghubungan tenaga elektrik serantau yang kukuh sebagai sebahagian daripada proses peralihan tenaga Malaysia. Inisiatif APG mampu menyokong strategi ini bagi membolehkan perdagangan tenaga elektrik rentas sempadan dan memberikan Malaysia akses kepada sumber tenaga elektrik dari negara jiran. Penyertaan Malaysia dalam LTMS-PIP merupakan contoh pendekatan serantau dan menjadi sebahagian daripada inisiatif APG yang lebih meluas.

Pembuatan Hijau

Malaysia dijangka menerima manfaat daripada peralihan ke arah pembuatan hijau yang meningkat memandangkan syarikat multinasional kini semakin menitikberatkan intensiti karbon dan daya harap bekalan tenaga elektrik dalam menentukan lokasi pengeluaran. Perkara ini amat relevan

khususnya bagi industri semikonduktor, elektronik, kelengkapan elektrik dan pembuatan berkaitan EV yang memerlukan bekalan kuasa berskala besar serta berdaya harap. Kerajaan juga sedang memperluas akses korporat kepada TBB melalui Skim Bekalan Tenaga Boleh Baharu Korporat (CRESS) yang membolehkan perolehan tenaga elektrik boleh baharu melalui grid nasional. Inisiatif tersebut memperkukuh daya tarikan Malaysia kepada pengeluar yang berusaha untuk mengurangkan pelepasan karbon serta mematuhi piawaian alam sekitar, sosial dan tadbir urus yang semakin ketat.

Inisiatif APG terus menyokong peluang ini dengan meningkatkan kesalinghubungan tenaga elektrik rentas sempadan dan menyediakan akses kepada sumber tenaga elektrik yang pelbagai termasuk TBB. Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) mengenal pasti APG sebagai laluan untuk Malaysia menyertai perdagangan TBB serantau. Sehubungan dengan itu, integrasi serantau yang meluas mampu melengkapi pengembangan TBB domestik Malaysia, meningkatkan daya tahan sistem tenaga elektrik serta menyokong keperluan kuasa yang kian menambah baik bagi industri bernilai tinggi. Infrastruktur grid berdaya harap dan bekalan tenaga elektrik boleh baharu yang mudah diakses menyokong inisiatif APG memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai hab kompetitif bagi sektor pembuatan intensif teknologi dan berkarbon rendah di samping menarik pelaburan syarikat yang meneroka lokasi pengeluaran lebih bersih.

Pembangunan Tenaga Kerja

Suruhanjaya Tenaga mengunjurkan Malaysia memerlukan sekitar 62,000 pekerja berkemahiran tinggi menjelang 2050 dan menetapkan latihan berterusan dan latihan semula sebagai teras utama dalam inisiatif Kecemerlangan Kompetensi Tenaga ST (ST-ECE). Infrastruktur grid pada masa hadapan mewujudkan keperluan terhadap kepakaran khusus yang melangkaui pekerjaan konvensional seperti pendawai, chargeman dan kakitangan pencawang yang memerlukan tenaga kerja mahir yang berpengetahuan dalam teknologi arus terus voltan tinggi (HVDC), kabel kuasa dasar laut, integrasi pemboleh ubah boleh baharu, sistem penyimpanan bateri, kawalan digital termaju dan keselamatan siber operasi teknologi. Kebanyakan kemahiran tersebut terangkum dalam ekosistem pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) Malaysia. Penarafan kompetensi yang diperakui dan kecemerlangan industri juga diiktiraf sama penting dengan kelayakan akademik.

Penyelarasan Pengawalseliaan

Setiap AMS tidak beroperasi di bawah perundangan atau sistem pengawalseliaan elektrik yang seragam dan mempunyai bidang kuasa sektor tenaga elektrik tersendiri yang merangkumi aspek penjanaan, penghantaran, pengagihan, pelesenan, penentuan harga elektrik, akses pasaran dan operasi sistem. Justeru, peraturan perundangan yang mengawal selia perdagangan elektrik rentas sempadan adalah berbeza antara AMS. Isu tersebut telah diperincikan di bawah rangka kerja APG dan mengenal pasti keperluan kerjasama dari sudut perundangan dan rangka kerja institusi pada peringkat nasional dan serantau merangkumi penyelarasan pengawalseliaan, pengaturan perdagangan tenaga elektrik serta akses pihak ketiga kepada rangkaian penghantaran. Isu perundangan penting yang perlu ditangani, antaranya akses pihak ketiga iaitu sama ada pengeluar atau pedagang elektrik dari AMS dibenarkan menggunakan rangkaian penghantaran AMS lain bagi menyalurkan tenaga elektrik kepada pelanggan. Bagi menangani isu ini, ASEAN telah mengenal pasti keperluan terhadap pengurusan pengawalseliaan akses pihak ketiga dan rangka kerja penentuan harga penghantaran serantau.

Cabaran lain turut melibatkan penentuan harga tenaga elektrik dan caj rangkaian. Harga tenaga elektrik ditentukan melalui struktur pasaran nasional, subsidi, tarif dan mekanisme pengawalseliaan yang berbeza. Oleh itu, perdagangan rentas sempadan memerlukan persetujuan mengenai

kaedah pengiraan kos bagi penyaluran tenaga elektrik merentasi sistem penghantaran nasional. Kajian oleh ASEAN telah mengenal pasti penentuan harga penghantaran, caj rangkaian dan pengurusan kesesakan sebagai mekanisme penting bagi membangunkan perdagangan kuasa pelbagai hala. Terdapat juga isu perundangan yang berkaitan dengan kontrak, liabiliti dan daya harap. Sehubungan itu, perjanjian tenaga elektrik rentas sempadan perlu menetapkan pihak yang bertanggungjawab jika berlaku insiden gangguan bekalan tenaga elektrik, kegagalan infrastruktur penghantaran atau sebarang kewajipan kontrak yang tidak dipenuhi. Justeru, pendekatan ASEAN berhubung perdagangan kuasa pelbagai hala bukan sahaja menekankan aspek kesalinghubungan fizikal malah turut menitikberatkan pengaturan institusi dan kontrak yang bersesuaian.

Di samping itu, AMS turut berhadapan dengan cabaran perbezaan tahap pembangunan pasaran tenaga elektrik dan keutamaan dasar nasional. Terdapat beberapa pasaran yang lebih liberal manakala pasaran yang lain kekal didominasi oleh syarikat milik kerajaan atau penyedia utiliti yang dikawal selia secara berpusat. Sehubungan dengan itu, ASEAN lebih cenderung menggunakan pendekatan yang bersifat berperingkat dan sukarela berbanding penguatkuasaan satu pasaran tenaga elektrik yang seragam secara serta-merta ke atas semua AMS. Strategi pelaksanaan APG memerlukan peraturan pasaran yang lebih kukuh, penyelarasan institusi serantau dan rangka kerja pengawalseliaan untuk mengoperasikan perdagangan kuasa pelbagai hala. Selain itu, ASEAN melaksanakan beberapa usaha untuk mengenal pasti perbezaan piawaian teknikal dan pengurusan pengawalseliaan sebagai halangan utama dalam memperluas perdagangan tenaga elektrik pelbagai hala.


Pengukuhan Daya Tahan Grid

Walaupun perdagangan tenaga elektrik serantau di bawah inisiatif APG mampu meningkatkan keupayaan Malaysia dalam menguruskan peningkatan permintaan tenaga elektrik, namun kesalinghubungan sistem kuasa yang semakin bertambah turut menjadikan daya tahan grid sebagai satu keutamaan yang kritikal. Sehubungan dengan itu, Malaysia perlu mengekalkan kapasiti penjanaan domestik yang mencukupi, infrastruktur penghantaran yang bersepadu serta laluan bekalan yang pelbagai bagi memastikan sebarang gangguan, kesesakan atau kegagalan pada koridor laluan tertentu tidak menjejaskan rangkaian sistem secara meluas. Grid kuasa yang berdaya tahan akan membolehkan Malaysia mengurus turun naik penjanaan TBB dan aliran kuasa rentas sempadan dengan lebih berkesan. Pada masa yang sama, grid yang berdaya tahan dapat menyokong penglibatan negara yang lebih terjamin dalam aktiviti perdagangan elektrik serantau tanpa menjejaskan kestabilan sistem domestik mahupun kapasiti untuk memenuhi komitmen eksport serantau.

Kesimpulan

Grid Kuasa ASEAN dijangka menjadi rangkaian tenaga elektrik serantau sepenuhnya menjelang 2045 sekali gus membolehkan AMS berdagang tenaga elektrik secara lancar dan meningkatkan penggunaan TBB. Inisiatif ini juga dijangka beralih daripada pengurusan perdagangan elektrik yang sebahagian besarnya berorientasikan dua hala kepada pelbagai hala bagi membolehkan AMS yang mempunyai lebihan elektrik membekalkan kepada AMS lain yang memerlukan. Kedudukan geografi Malaysia yang strategik, kemudahan infrastruktur kuasa yang dibangunkan dengan baik serta rangka kerja kewangan yang berdaya tahan meletakkan negara pada kedudukan unik untuk memanfaatkan integrasi grid kuasa serantau. Walau bagaimanapun, cabaran seperti ketidakselarasan pengawalseliaan dan fleksibiliti grid perlu ditangani dan diurus dengan baik. Pelaburan yang berterusan dan mampan dalam sektor penyimpanan tenaga, rangkaian penghantaran, teknologi grid dan kuasa boleh baharu kekal penting bagi mencapai matlamat inisiatif ini. Melangkaui matlamat merancakkan pertumbuhan ekonomi dan mengukuhkan jaminan keselamatan tenaga ASEAN, inisiatif ini menawarkan peluang yang amat bermakna demi memantapkan kedudukan Malaysia dalam pasaran tenaga serantau.

RAJAH 2.1 *Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar, Perdagangan dan Inflasi Global 2025 – 2027 (% Perubahan)*



¹ Anggaran
² Unjuran
Nota: Perdagangan bagi Ekonomi Maju serta Pasaran Baru Muncul dan Ekonomi Sedang Membangun merujuk kepada purata volum eksport dan import bagi barangan dan perkhidmatan
Sumber: International Monetary Fund, World Economic Outlook Update (Julai 2026)

Ekonomi **AS** berkembang pada kadar 2.1% pada suku pertama 2026 sebelum mencatat pertumbuhan sederhana sebanyak 1.5% pada suku kedua 2026. Pertumbuhan pada suku pertama 2026 adalah lebih kukuh berbanding penguncupan 0.6% yang direkodkan pada suku pertama 2025 manakala pertumbuhan pada suku kedua 2026 lebih perlahan berbanding 3.8% dicatatkan pada suku kedua 2025. Pertumbuhan pada separuh pertama 2026 disokong oleh peningkatan pelaburan dalam AI, teknologi dan infrastruktur digital serta perbelanjaan pengguna. Konflik yang berterusan di Asia Barat telah melonjakkan harga tenaga global dan meningkatkan tekanan inflasi sekali gus menimbulkan risiko terhadap prospek pertumbuhan. Walau bagaimanapun, kesan kenaikan harga tenaga terhadap ekonomi AS adalah lebih rendah memandangkan AS merupakan pengeksport bersih tenaga sejak 2019. Secara keseluruhan, pertumbuhan sederhana pada suku kedua 2026 menunjukkan bahawa ekonomi AS kekal berdaya tahan dalam persekitaran luaran yang semakin mencabar khususnya berikutan kenaikan harga tenaga dan ketidaktentuan geopolitik.

Bagi 2026, ekonomi AS dijangka berkembang sebanyak 3.6%, manakala pasaran buruh dijangka kekal berdaya tahan dengan kadar pengangguran diunjur pada purata sekitar 4.4% disokong oleh pewujudan pekerjaan yang berterusan. Sementara itu, inflasi dijangka tinggi pada kadar 3.6% mencerminkan tekanan harga yang berterusan dalam sektor perkhidmatan di samping kenaikan harga tenaga dan makanan susulan konflik yang berterusan di Asia Barat. Walaupun prospek keseluruhan ekonomi kekal menggalakkan, namun risiko pertumbuhan berpunca daripada ketegangan geopolitik, perpecahan perdagangan dan potensi perubahan mendadak dalam kaunter berkaitan teknologi yang boleh menjejaskan pelaburan dan keyakinan pengguna.

Ekonomi **UK** mencatat peningkatan 0.9% pada suku pertama 2026 berbanding 0.7% pada suku pertama 2025. Pertumbuhan ini terutamanya didorong oleh sektor perkhidmatan khususnya melalui aktiviti profesional, saintifik dan teknikal di samping perdagangan borong dan runcit. Bagi lapan bulan pertama 2026 kadar pengangguran berada pada tahap 5% berbanding 4.5% pada tempoh yang sama 2025 disebabkan antaranya oleh peningkatan kos pengoperasian. Sementara itu, kadar inflasi meningkat kepada 3.3% berbanding 2.6% pada 2025 berikutan kenaikan kos pengangkutan, lonjakan harga bahan api dan minyak pemanasan kediaman.

Pada 2026, KDNK UK diunjur berkembang lebih perlahan pada kadar 1% berbanding 1.4% pada 2025 berpunca daripada kejutan bekalan negatif akibat konflik di Asia Barat yang menjejaskan aktiviti ekonomi. Kadar pengangguran dijangka meningkat daripada 4.9% pada 2025 kepada 5.6% pada 2026. Sementara itu, inflasi dijangka menyederhana pada kadar 3.2% sepanjang 2026 mencerminkan kesan tempoh asas yang tinggi serta permintaan domestik yang kian mereda.

Ekonomi **kawasan euro** berkembang sebanyak 0.5% pada suku pertama 2026 berbanding 1.6% dalam tempoh sama pada 2025 dan 1% pada suku kedua 2026 berbanding 1.4% dalam tempoh sama pada 2025. Prestasi perlahan ini sebahagian besarnya berpunca daripada konflik di Asia Barat yang terus menjejaskan aktiviti ekonomi berikutan kemerosotan ketara dalam import minyak khususnya diesel dan bahan api jet. Sementara itu, pasaran buruh kekal berdaya tahan dengan kadar pengangguran kekal pada 6.4%, kadar yang sama seperti suku kedua 2025.

Pertumbuhan ekonomi di kawasan euro diunjur berkembang secara marginal sebanyak 0.9% pada 2026 berbanding 1.4% pada 2025 akibat konflik di Asia Barat yang menyumbang kepada kemerosotan keyakinan, keadaan kewangan yang semakin ketat serta ketidaktentuan yang kian meruncing. Penggunaan swasta dijangka meningkat disokong oleh pertumbuhan gaji dan peningkatan guna tenaga. Pasaran buruh akan terus berdaya tahan dengan kadar pengangguran diunjur berkurang kepada 6.2%. Pengurangan ini sebahagiannya didorong oleh lanjutan perlindungan sementara bagi lebih empat juta pelarian Ukraine sehingga Mac 2027 yang terus membantu meringankan kekurangan tenaga kerja dalam sektor bergaji rendah di seluruh negara anggota EU. Walau bagaimanapun, unjuran inflasi yang lebih tinggi pada kadar 2.6% berbanding 2.1% pada 2025 berikutan gangguan rantaian bekalan dan peningkatan kos pengeluaran.

Ekonomi **Jerman** berkembang sebanyak 0.6% pada suku pertama 2026 berbanding 0.3% dalam tempoh yang sama 2025 dan 0.9% pada suku kedua 2026 berbanding 0.4% dalam tempoh yang sama 2025. Pertumbuhan ini disokong oleh pengukuhan dalam penggunaan awam, pelaburan swasta bukan kediaman dan eksport. Keadaan ekonomi yang perlahan memberikan tekanan kepada pasaran buruh dengan kadar pengangguran meningkat sedikit kepada 3.8% bagi suku kedua 2026 berbanding 3.7% bagi tempoh masa yang sama 2025. Namun, peningkatan guna tenaga dalam perkhidmatan awam telah mengimbangi kehilangan pekerjaan dalam sektor pembuatan. Kejutan harga tenaga secara mendadak yang dicetuskan oleh konflik di Asia Barat menyebabkan kenaikan harga bahan api sekali gus meningkatkan kadar inflasi kepada 2.6% berbanding 2.1% pada 2025.

Bagi tahun 2026, ekonomi dijangka berkembang pada kadar 0.7% berbanding 0.2% pada 2025 didorong oleh penggunaan swasta dan perbelanjaan awam yang kukuh terutamanya dalam sektor pertahanan dan infrastruktur. Sementara itu, kadar pengangguran diunjur meningkat kepada

3.9% berbanding 3.8% pada 2025 berikutan permintaan yang lemah terhadap tenaga kerja. Inflasi diunjur meningkat kepada 2.7% berbanding 2.3% pada 2025 berikutan harga tenaga yang lebih tinggi dan peningkatan penggunaan swasta susulan kenaikan gaji nominal.

Ekonomi **Perancis** kekal sederhana dengan KDNK direkodkan pada kadar 0.7% bagi suku pertama dan 0.5% bagi suku kedua 2026 berbanding 0.8% yang direkodkan pada tempoh yang sama 2025. Walau bagaimanapun, keadaan pasaran buruh merosot dengan kadar pengangguran meningkat kepada 8.3% pada suku kedua 2026 berbanding 7.6% pada suku kedua 2025 mencerminkan kadar pengambilan pekerja yang rendah di samping aktiviti ekonomi yang perlahan. Kadar inflasi meningkat kepada 2.1% pada suku kedua 2026 berbanding 1.1% pada tempoh yang sama tahun sebelumnya. Keadaan ini sebahagiannya disebabkan oleh konflik di Asia Barat yang telah mengganggu momentum ekonomi dan merencatkan aktiviti pengambilan pekerja. Walau bagaimanapun, eksport bersih yang kukuh dalam sektor aeronautik dan pertahanan berjaya mengekalkan pertumbuhan positif KDNK.

Pertumbuhan pada 2026 dianggar sebanyak 0.6% berkurang daripada 0.9% pada 2025 yang menunjukkan kesan langkah konsolidasi fiskal, permintaan domestik yang lebih lemah serta ketidaktentuan yang berterusan dalam ekonomi global. Justeru, kadar pengangguran diunjur meningkat kepada 7.9% daripada 7.6% pada 2025. Kadar inflasi dijangka meningkat kepada 1.8% pada 2026 berbanding 0.9% pada tahun 2025 disebabkan oleh langkah penyatuan fiskal dan harga tenaga yang tinggi terus memberikan tekanan kepada pendapatan boleh guna sebenar dan memperlahankan permintaan domestik swasta.

Perkembangan ekonomi **Jepun** direkodkan pada 0.6% dan 0.9% bagi suku pertama dan kedua 2026 berbanding 1.6% dan 2% dalam tempoh yang sama pada 2025. Pertumbuhan ini disokong oleh peningkatan penggunaan swasta dan awam serta eksport barangan dan perkhidmatan yang lebih tinggi. Kadar pengangguran meningkat kepada 2.7% pada suku pertama 2026 berbanding 2.4% dalam tempoh yang sama pada 2025. Inflasi menyederhana kepada 1.4% pada suku pertama 2026 daripada 3.8% dalam tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Pertumbuhan ekonomi Jepun bagi keseluruhan 2026 dijangka menyederhana kepada 0.6% berbanding 1.1% pada 2025. Pertumbuhan dijangka dipacu oleh permintaan global yang lebih kukuh berkaitan AI dan pelbagai inisiatif kerajaan termasuk langkah untuk mengurangkan beban isi rumah berikutan kenaikan harga tenaga. Kadar pengangguran diunjur kekal pada 2.5% sebagaimana 2025. Sementara itu, inflasi dijangka menyederhana kepada 2.2% berbanding 3.2% pada 2025.

Ekonomi **Australia** merekodkan pertumbuhan sebanyak 0.3% dan 0.4% bagi suku pertama dan kedua 2026 berbanding 0.3% dan 0.6% yang dicatat dalam tempoh yang sama pada 2025. Pertumbuhan ini kekal didorong oleh perbelanjaan isi rumah serta sumbangan daripada aktiviti pembuatan, pembinaan, profesional, saintifik dan teknikal di samping perkhidmatan pentadbiran dan sokongan. Prestasi ini sejajar dengan pelarasan dalam penggunaan swasta secara menyeluruh, perbelanjaan modal perniagaan dan perbelanjaan am kerajaan yang mencerminkan perubahan dalam faedah sosial isi rumah. Indikator guna tenaga dan harga menunjukkan kestabilan yang berterusan apabila kadar pengangguran berada pada 4.5% manakala kadar inflasi direkodkan sebanyak 3.5% pada Julai 2026.

Berdasarkan trend awal tahun ini, pertumbuhan KDNK Australia diunjur berkembang sebanyak 1.9% pada 2026 terutamanya didorong oleh pelaburan strategik dalam AI, teknologi dan infrastruktur digital; pertahanan serta perkhidmatan awam. Output sektor primer seperti pertanian dan perlombongan kekal berdaya tahan berikutan keupayaan industri mengadaptasi dengan perubahan kos input dan faktor iklim. Walau bagaimanapun, penggunaan swasta, pelaburan komersial dan perdagangan bersih terus berdepan cabaran berikutan persekitaran kredit yang ketat serta ketidaktentuan harga tenaga. Kadar pengangguran diunjur mencatat purata sekitar 4.4% berbanding 4.1% pada 2025 disokong oleh pasaran tenaga kerja berdaya tahan yang mengekalkan keupayaan perbelanjaan isi rumah dalam jangka masa pendek. Kadar inflasi pula diunjur pada 4.1% berbanding 3.2% pada 2025 berikutan tekanan harga tidak boleh didagangkan dalam sektor perumahan, utiliti dan insurans di samping peningkatan kos input merentas sektor tenaga dan pengangkutan barangan.

Ekonomi **Republik Korea** berkembang kukuh sebanyak 3.8% dan 3.7% pada suku pertama dan kedua 2026 berbanding 0.2% dan 0.7% dalam tempoh yang sama pada 2025. Pertumbuhan ini terutamanya disokong oleh sektor pembuatan khususnya semikonduktor, jentera dan peralatan serta sektor perkhidmatan. Kadar pengangguran mencatat 3.5% pada suku pertama 2026 meningkat sedikit daripada 3.3% dalam tempoh yang sama pada 2025 manakala inflasi kekal stabil pada 2.1%.

Pada 2026, pertumbuhan KDNK Republik Korea diunjur sebanyak 2.6% berbanding 1.1% pada 2025. Aktiviti ekonomi dijangka terus kukuh dipacu oleh eksport semikonduktor yang berdaya tahan meskipun berdepan ketidaktentuan berikutan konflik di Asia Barat. Kerajaan Korea memperkenalkan belanjawan tambahan bagi mengurangkan kesan krisis tenaga terhadap isi rumah, perniagaan dan kerajaan tempatan. Kadar pengangguran diunjur kekal 2.8% pada 2026. Sementara itu, inflasi dijangka meningkat kepada 2.5% berbanding 2.1% pada 2025.

Ekonomi **China** merekodkan pertumbuhan sebanyak 5% dan 4.3% pada suku pertama dan kedua 2026 berbanding 5.4% dan 5.2% dalam tempoh yang sama pada 2025. Pertumbuhan ini terutamanya disokong oleh sektor perkhidmatan berikutan aktiviti yang kukuh dalam subsektor penghantaran maklumat, perisian dan perkhidmatan teknologi maklumat serta perantaraan kewangan. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ini sebahagiannya terjejas oleh penguncupan dalam sektor pembinaan dan hartanah. Kadar pengangguran kekal stabil pada 5.3% manakala inflasi pada kadar 0.9% bagi suku pertama 2026 mencerminkan peningkatan harga pengguna secara berperingkat.

Pada 2026, pertumbuhan ekonomi China diunjur menyederhana kepada 4.6% berbanding 5% pada 2025 berikutan harga minyak global yang lebih tinggi, permintaan global yang lemah dan cabaran struktural yang berterusan. Kadar pengangguran diunjur kekal pada 5.1% sebagaimana 2025 manakala inflasi pada 1.2% bagi 2026.

Pertumbuhan KDNK **India** bagi 2026 dijangka berkembang sebanyak 6.4% disokong oleh momentum yang kukuh dalam penggunaan swasta dan sektor perkhidmatan sekali gus menunjukkan bahawa permintaan domestik kekal sebagai pemacu penting pertumbuhan dalam persekitaran luaran yang tidak menentu. Walau bagaimanapun, prospek pertumbuhan India berdepan risiko penurunan susulan kenaikan harga tenaga dan ketegangan geopolitik khususnya peningkatan harga minyak yang boleh menaikkan kos import serta memberikan tekanan kepada inflasi dan

penggunaan domestik. Secara keseluruhan, unjuran ini mencerminkan daya tahan ekonomi India. Bagi mengekalkan momentum pertumbuhan, India perlu mengimbangi antara pengurusan risiko luaran dengan usaha mengekalkan permintaan domestik yang kukuh. Sementara itu, kadar inflasi diunjur sebanyak 4.7% pada 2026 menunjukkan bahawa tekanan harga dijangka kekal terkawal.

Ekonomi **ASEAN-5** berkembang pada kadar 4.1% pada 2026 berbanding 4.5% pada 2025. Pertumbuhan serantau ini dipengaruhi oleh risiko konflik di Asia Barat, ketegangan perdagangan global, ketidaktentuan harga komoditi, impak perubahan iklim serta ketidaktentuan politik yang menyebabkan perbezaan dalam pertumbuhan ekonomi serantau pada awal 2026. Meskipun beberapa ekonomi mengalami momentum pertumbuhan yang perlahan, kesan tersebut sebahagian besar diimbangi oleh eksport berteraskan teknologi yang teguh, permintaan domestik yang kukuh serta perbelanjaan awam yang berterusan. Sementara itu, kadar inflasi ASEAN-5 diunjur sebanyak 2.6%.

Pertumbuhan KDNK **Indonesia** berkembang sebanyak 5.6% dan 5.3% pada suku pertama dan kedua 2026 berbanding 4.9% dan 5.1% pada 2025. Pertumbuhan pada suku pertama didorong oleh penggunaan isi rumah yang kukuh serta peningkatan ketara dalam perbelanjaan kerajaan berikutan pemberian bonus perayaan penjawat awam dan program makanan sekolah percuma. Prestasi utama pertumbuhan direkodkan dalam subsektor penginapan dan perkhidmatan makanan diikuti oleh subsektor pengangkutan dan pergudangan. Kadar pengangguran dicatat pada 4.7% dengan peluang pekerjaan terus perlahan berbanding pertumbuhan tenaga kerja. Kadar inflasi mencatat 3.3% pada bulan Jun 2026 disebabkan oleh penyusutan nilai mata wang rupiah Indonesia. Pada 2026, KDNK Indonesia diunjur berkembang sebanyak 5% dengan pengangguran 4.9% dan inflasi 3%.

Ekonomi **Thailand** berkembang sebanyak 2.8% dan 1.9% pada suku pertama dan kedua 2026 berbanding 3.1% dan 2.8% pada 2025. Pertumbuhan ini didorong oleh eksport E&E yang seterusnya meningkatkan output sektor pembuatan. Pelaburan swasta merekodkan pertumbuhan pesat manakala penggunaan swasta, penggunaan awam dan eksport barangan menyederhana berikutan penurunan pelaburan awam. Walaupun kadar pengangguran kekal stabil pada 0.9%, namun perubahan struktural yang dipacu oleh teknologi baharu seperti AI dan kenderaan elektrik berpotensi menjejaskan lebih 8.7 juta pekerjaan. Kadar inflasi menguncup sebanyak 0.5% berikutan penyusutan nilai mata wang Baht Thailand berbanding dolar AS susulan konflik di Asia Barat. Bagi 2026, ekonomi Thailand diunjur berkembang sebanyak 1.9% dengan kadar pengangguran 1% dan inflasi 0.9%.

Pertumbuhan KDNK **Singapura** berkembang sebanyak 6.3% dan 5.9% pada suku pertama dan kedua 2026 berbanding 4.5% dan 5.4% pada 2025 didorong oleh prestasi kukuh dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan khususnya dalam bidang AI dan infrastruktur digital. Pasaran buruh terus berkembang seiring dengan pertumbuhan ekonomi yang mampan dengan kadar pengangguran kekal rendah pada 2% pada Jun 2026. Kadar inflasi dicatatkan pada 1.7% bagi separuh pertama 2026 berikutan peningkatan kos dalam kategori perbelanjaan isi rumah seperti makanan, kereta, insurans kesihatan, penginapan dan petrol.

Ekonomi Singapura bagi 2026 diunjur meningkat pada kadar 3.5% walaupun berdepan risiko penurunan ekoran konflik di Asia Barat. Pertumbuhan dijangka dipacu oleh peningkatan pelaburan dalam bidang AI. Bagi prospek masa hadapan, majikan mungkin mengambil pendekatan yang lebih berhati-hati dalam pengambilan pekerja berikutan

ketidaktentuan persekitaran global walaupun kadar pengangguran kekal rendah dan stabil pada 2.1%. Kadar inflasi diunjur meningkat kepada 2.6% pada 2026 akibat ketegangan geopolitik.

Ekonomi **Filipina** menyederhana kepada 2.8% dan 2.3% pada suku pertama dan kedua 2026 berbanding 5.4% bagi kedua-dua suku 2025. Pertumbuhan ini didorong oleh pengembangan dalam aktiviti perdagangan borong dan runcit; pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal; pendidikan serta pembuatan. Walau bagaimanapun, prestasi keseluruhan ekonomi terjejas akibat penurunan ketara dalam perbelanjaan infrastruktur awam dan modal bagi aktiviti pembinaan serta pengurangan output industri perlombongan. Kadar pengangguran mencatat 4.9% manakala inflasi pada 4.8% dipengaruhi oleh peningkatan tahunan dalam indeks pengangkutan dan penyelenggaraan isi rumah yang lebih perlahan. Pada 2026, pertumbuhan KDNK Filipina diunjur pada kadar 3.9% susulan krisis tenaga dan asas 2025 yang rendah berikutan penurunan ketara dalam pelaburan awam dan keyakinan. Sementara itu, kadar pengangguran diunjur 4.7% dan inflasi 4.3%.

Tinjauan Ekonomi Global 2027

Pertumbuhan global dijangka meningkat kepada 3.4% pada 2027 seiring dengan kesan kejutan tenaga yang menyederhana dan pelaburan berterusan dalam AI, teknologi serta infrastruktur digital yang menyokong aktiviti ekonomi. Prospek pertumbuhan yang lebih kukuh ini mencerminkan pelaburan dalam teknologi berupaya mengimbangi sebahagian kesan negatif akibat ketegangan geopolitik. Pelaburan berkaitan AI dijangka berkembang merentas ekonomi teknologi utama sekali gus menyokong permintaan terhadap AI, teknologi dan infrastruktur digital. Walau bagaimanapun, pertumbuhan kekal tidak seimbang kerana negara yang mempunyai sektor teknologi yang lemah mungkin tidak mendapat manfaat yang sama.

Kadar **pengangguran global** dijangka kekal sekitar 4.9% menunjukkan daya tahan berterusan pasaran tenaga kerja global. Walau bagaimanapun, perubahan teknologi dan AI dijangka mempengaruhi struktur guna tenaga secara berperingkat menerusi peningkatan permintaan terhadap tenaga kerja berkemahiran tinggi manakala permintaan terhadap pekerjaan konvensional berkemahiran rendah semakin berkurangan. Sementara itu, **inflasi global** diunjur menurun kepada 3.9% pada 2027 seiring dengan tekanan berkaitan sektor tenaga. Inflasi dijangka kekal tumpuan utama kesan daripada gangguan geopolitik yang terus mempengaruhi harga tenaga dan komoditi.

Perdagangan global dijangka terus terjejas akibat ketegangan geopolitik, gangguan rantaian bekalan dan peningkatan perpecahan ekonomi sepanjang 2026 dan 2027. Perniagaan berpotensi terus mempelbagaikan rantaian bekalan bagi mengurangkan kesan risiko geopolitik dan gangguan pada laluan pengangkutan utama. Pada masa yang sama, aliran pelaburan cenderung tertumpu pada sektor teknologi, AI, keterjaminan tenaga dan industri strategik. Perkembangan tersebut berupaya mewujudkan peluang baharu bagi negara yang mampu menarik pelaburan berasaskan teknologi manakala negara yang kurang bersepadu dalam sektor tersebut berkemungkinan menghadapi prospek pelaburan dan pertumbuhan yang lebih perlahan.

Pertumbuhan ekonomi **AS** pada 2027 diunjur sebanyak 2.2% dipacu oleh keadaan kewangan yang menggalakkan serta pelaburan berterusan dalam AI, teknologi

dan infrastruktur digital. Ekonomi AS kekal berdaya tahan meskipun konflik berterusan di Asia Barat disokong oleh kedudukan sebagai pengeksport bersih tenaga serta peranan penting dalam rantaian nilai teknologi global. Walaupun pertumbuhan penggunaan isi rumah dijangka menyederhana berbanding tahun sebelumnya, pelaburan perniagaan dalam peralatan dan harta intelek dijangka terus menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi.

Penggunaan swasta dijangka kekal sensitif terhadap perkembangan makroekonomi dan keadaan kewangan yang meluas. Potensi penyusutan dalam jangkaan berteraskan teknologi AI boleh meningkatkan risiko penurunan manakala penampan dasar yang semakin merosot boleh memburukkan lagi kerentanan tersebut. Tekanan inflasi dijangka berkurang secara beransur-ansur seiring dengan gangguan dalam pasaran tenaga yang kian mereda. Walaupun pasaran buruh diunjur kekal berdaya tahan dengan kadar pengangguran sekitar 4.2%, inflasi dijangka lebih tinggi daripada sasaran US Federal Reserve iaitu 2% sepanjang 2027.

Pertumbuhan ekonomi **UK** dijangka pulih kepada 1.3% pada 2027 apabila gangguan daripada kejutan tenaga global mereda. Walau bagaimanapun, kadar pengangguran diunjur terus meningkat mencapai kadar yang lebih tinggi iaitu 5.3% berikutan pasaran tenaga kerja yang terus mengalami penyesuaian yang perlahan terhadap perubahan ekonomi. Inflasi diunjur pada kadar 2.4% didorong oleh kesan kenaikan harga tenaga yang semakin pulih dan pengurangan tekanan kenaikan gaji yang disebabkan oleh pasaran tenaga kerja yang semakin perlahan.

Risiko penurunan pada 2027 berpunca daripada kelemahan dalam negara dan impak kejutan global. Pada peringkat domestik, kesan berpanjangan daripada kos tenaga yang tinggi kekal menjejaskan sektor pembuatan dan keyakinan pengguna. Peningkatan konflik di Asia Barat menimbulkan risiko serta-merta terhadap laluan transit maritim yang berkemungkinan mencetuskan krisis tenaga yang lebih besar, melanjutkan ketidakstabilan harga komoditi dan memperketat keadaan kewangan secara mendadak.

Pertumbuhan di **kawasan euro** diunjur pada 1.2% pada 2027 terutamanya disokong oleh pengukuhan permintaan domestik dan pemulihan dalam pertumbuhan perdagangan. Pendirian fiskal keseluruhan kawasan euro diunjur berimbang pada 2027 dengan penamatan perbelanjaan *Recovery and Resilience Facility* sebahagiannya diimbangi oleh peluasan kecil dalam komponen perbelanjaan peringkat nasional. Pasaran buruh dijangka kekal terhad dan berdaya tahan dengan kadar pengangguran diunjur pada 6.1%. Penggunaan swasta dijangka semakin mengukuh apabila inflasi menyederhana kepada 2.2% disumbangkan oleh peningkatan pendapatan boleh guna dan kadar simpanan isi rumah yang lebih rendah.

Walau bagaimanapun, prospek ekonomi kekal terdedah kepada risiko penurunan ketara terutamanya disebabkan oleh konflik di Asia Barat. Kelewatan dalam memulihkan bekalan tenaga global boleh membantutkan pertumbuhan ekonomi dan memburukkan lagi tekanan inflasi. Kesan limpahan yang lebih luas daripada faktor geopolitik berserta keyakinan yang merosot atau tekanan pasaran kewangan boleh mengurangkan lagi permintaan. Pada masa yang sama, konflik yang memuncak di Ukraine atau peningkatan ketidaktentuan berhubung dasar perdagangan dan tarif boleh mengekang aktiviti ekonomi bagi tempoh yang lebih lama daripada jangkaan semasa.

Ekonomi **Jerman** diunjur berkembang sebanyak 1% pada 2027 didorong oleh permintaan domestik yang lebih kukuh dan pemulihan secara berperingkat dalam eksport susulan

pemulihan permintaan global. Pasaran buruh dijangka bertambah baik dengan kadar pengangguran diunjur berkurang sedikit kepada 3.5%. Inflasi dijangka menyederhana kepada 2.3% berikutan tekanan harga tenaga yang dianggar berkurangan sekali gus memberikan kelegaan kepada pengguna.

Prospek ekonomi terus berdepan risiko penurunan yang ketara dengan sektor pembuatan Jerman terdedah kepada ketegangan perdagangan dan ketidaktentuan geopolitik. Konflik di Asia Barat yang semakin meruncing atau berpanjangan boleh melonjakkan harga tenaga dan inflasi yang lebih tinggi seterusnya menghakis keyakinan serta mengekang penggunaan dan pelaburan swasta. Dari sudut luaran, perlindungan perdagangan yang semakin meningkat, kenaikan tarif dan persaingan daripada ekonomi lain boleh menjejaskan industri berasaskan eksport Jerman sekali gus membawa kepada unjuran eksport keseluruhan yang umumnya akan kekal mendatar dalam tempoh terdekat.

Pertumbuhan KDNK **Perancis** dijangka bertambah baik kepada 0.9% pada 2027 didorong oleh pemulihan dalam permintaan luaran dan domestik. Pelaksanaan pelan pelaburan France 2030 terutamanya dalam inovasi, tenaga bersih, teknologi digital dan industri strategik dijangka akan menyokong pertumbuhan ekonomi secara holistik dan memperkukuh daya tahan bagi mendepani kejutan. Kadar pengangguran diunjur kekal pada 7.9% manakala inflasi dijangka menyederhana kepada 1.7% pada 2027.

Risiko terhadap tinjauan ekonomi ini kekal cenderung ke arah aliran menurun. Pada peringkat domestik, ketidaktentuan politik yang memuncak menjelang pilihan raya presiden 2027 dijangka akan melambatkan pelaksanaan langkah konsolidasi fiskal dan pembaharuan berstruktur yang diperlukan. Selain permintaan swasta yang semakin lemah, keadaan tersebut berisiko meningkatkan tekanan pasaran dan memburukkan lagi dinamik hutang negara. Dari segi luaran, konflik yang berpanjangan di Asia Barat berisiko mengganggu bekalan tenaga dan perdagangan, meningkatkan inflasi serta merencatkan pertumbuhan ekonomi. Potensi pembetulan yang tidak teratur dalam pasaran AI berkemungkinan mengganggu aliran kewangan serta menjejaskan sentimen pasaran secara keseluruhan.

Pada 2027, ekonomi **Jepun** diunjur menyederhana kepada 0.7% disokong oleh pertumbuhan eksport yang berterusan khususnya berkaitan pelaburan AI global. Prospek pertumbuhan tertakluk kepada risiko penurunan berikutan konflik di Asia Barat, ketidaktentuan permintaan global berkaitan AI serta keadaan ekonomi luaran. Sementara itu, kadar pengangguran diunjur kekal pada 2.5% manakala inflasi dijangka meningkat sedikit kepada 2.3%.

Pertumbuhan ekonomi **Australia** pada 2027 diunjur berkembang lebih perlahan sebanyak 1.7% berikutan kesan dasar yang lebih ketat mengehadkan penggunaan isi rumah. Bagi sektor luaran, pelarasan semula struktur dalam pasaran hartanah di China memberikan cabaran kepada eksport terutamanya bijih besi dan arang batu kok. Walau bagaimanapun, pelaburan dalam unsur nadir bumi dan infrastruktur hidrogen hijau di samping permintaan keluli daripada sektor automotif dan tenaga boleh baharu China akan membantu mengurangkan cabaran dalam sektor luaran. Kadar pengangguran dijangka berada pada 4.3% manakala kadar inflasi diunjur menyederhana kepada 3%.

Ekonomi **Republik Korea** diunjur berkembang 2.5% pada 2027. Pertumbuhan dijangka kekal berdaya tahan disokong oleh permintaan berkaitan AI global yang tinggi. Sektor semikonduktor yang terus kukuh dijangka

menambah baik pendapatan isi rumah dan menyokong pemulihan penggunaan swasta secara berperingkat. Prospek ekonomi kekal terdedah kepada risiko penurunan berikutan konflik di Asia Barat serta ketidaktentuan dalam persekitaran perdagangan global. Pada 2027, kadar pengangguran diunjur meningkat sedikit kepada 2.9% manakala inflasi dijangka menyederhana kepada 1.9%.

Pada 2027 ekonomi **China** diunjur berkembang 4.1% berbanding 4.6% pada 2026. Pertumbuhan dijangka kekal sederhana berikutan pelarasan berterusan dalam sektor hartanah serta permintaan domestik yang lemah khususnya penggunaan isi rumah. Risiko terhadap pertumbuhan kekal cenderung ke arah penurunan memandangkan konflik berpanjangan di Asia Barat akan menjejaskan bekalan tenaga serta memberikan tekanan kepada eksport. Kadar pengangguran diunjur kekal pada 5.1% manakala inflasi diunjur meningkat kepada 1.5%.

Pertumbuhan KDNK **India** dijangka mengukuh kepada 6.7% pada 2027 didorong oleh permintaan domestik yang kekal teguh. Walau bagaimanapun, unjuran ini berdepan risiko penurunan susulan ketegangan geopolitik dan ketidakstabilan harga tenaga. Peningkatan semula konflik di Asia Barat berpotensi melonjakkan harga tenaga dan komoditi sekali gus menjejaskan kuasa beli isi rumah, margin perniagaan dan keadaan kewangan. Pengekalan momentum pertumbuhan bergantung kepada pemulihan dan kestabilan pasaran tenaga, permintaan domestik yang tinggi serta tekanan inflasi yang kekal terkawal. Sementara itu, kadar pengangguran dijangka berada pada 4%, manakala inflasi diunjur pada 4.9%.

Ekonomi **ASEAN-5** diunjur berkembang sebanyak 4.3% pada 2027 dan kekal berdaya tahan disokong oleh permintaan domestik yang kukuh. Pertumbuhan serantau ini berdepan dengan risiko ketegangan perdagangan global, ketidaktentuan harga komoditi, impak perubahan iklim serta ketidaktentuan politik. Sementara itu, kadar inflasi ASEAN-5 diunjur pada 2.3%.

Pertumbuhan KDNK **Indonesia** diunjur pada kadar 5.1% pada 2027 didorong oleh tekanan pasaran komoditi yang semakin stabil, pertumbuhan kredit sektor swasta yang lebih kukuh serta peningkatan pelaburan dan usaha pembaharuan struktural yang menyeluruh. Walaupun sektor pembuatan berasaskan komoditi, perniagaan asas-tani, pembinaan, perkhidmatan dan digital dijangka kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan, namun pemulihan tersebut bergantung kepada pelaksanaan pembaharuan serta keupayaan untuk menarik pelaburan swasta. Sementara itu, kadar pengangguran diunjur pada 4.8% dan inflasi pada 2.6%.

Pada 2027, pertumbuhan KDNK **Thailand** diunjur sebanyak 2.2% didorong oleh eksport berasaskan teknologi dan peningkatan pelaburan pusat data. Walaupun kesan tarif perdagangan yang tinggi menjejaskan momentum jangka masa pendek, namun pemulihan dalam perdagangan global dijangka dapat memacu pertumbuhan. Sementara itu, pengangguran dan inflasi diunjur pada kadar 1%. Risiko prospek pertumbuhan Thailand cenderung ke arah penurunan dengan ekonomi dan inflasi terdedah kepada ketidaktentuan pasaran global serta perubahan politik dalam negara.

Ekonomi **Singapura** diunjur berkembang sebanyak 2.7% pada 2027 dengan mengambil kira persekitaran harga input yang lebih tinggi serta gangguan rantaian bekalan yang memberikan kesan kepada industri berkeperluan tenaga tinggi seterusnya mengekang pertumbuhan pendapatan dan keadaan kewangan. Kadar pengangguran dan inflasi dijangka kekal stabil pada

2.1%. Singapura terdedah kepada risiko ketidaktentuan geopolitik memandangkan kebergantungan tinggi terhadap perdagangan antarabangsa.

Pertumbuhan KDNK **Filipina** diunjur sebanyak 5.5% pada 2027 didorong oleh pelaburan awam yang kembali pulih dan kos pinjaman yang rendah. Walau bagaimanapun, peningkatan dalam ketegangan perdagangan global dijangka memberikan tekanan kepada permintaan luar dan hasil eksport negara. Kadar pengangguran dianggar pada 4.6% susulan prestasi pasaran buruh yang semakin pulih. Kadar inflasi diunjur bertambah baik kepada 3.2% berikutan tekanan harga tenaga global yang mereda.

Risiko penurunan yang berkemungkinan menjejaskan prospek ekonomi merangkumi bencana alam, gangguan bekalan tenaga serta perubahan pasaran buruh yang didorong oleh AI. Filipina yang merupakan antara negara berisiko tinggi terhadap bencana alam mengalami purata 20 taufan setiap tahun di samping kejadian banjir, tanah runtuh dan gempa bumi. Kesan bencana tersebut menyebabkan kos ekonomi yang berterusan akibat kerosakan infrastruktur, pemindahan penduduk dan kemusnahan hasil pertanian yang seterusnya boleh mengalihkan sumber fiskal negara daripada keutamaan pembangunan.

Kesimpulan

Ekonomi global dijangka kekal berdaya tahan pada 2026 manakala pertumbuhan 2027 terdedah kepada risiko ketegangan geopolitik, krisis bekalan tenaga dan peningkatan perpecahan ekonomi. Krisis di Asia Barat dijangka akan terus mempengaruhi harga pasaran bekalan tenaga, kadar inflasi dan perdagangan global. Ekonomi pengimport tenaga adalah lebih berisiko tinggi manakala ekonomi yang mempunyai sektor teknologi yang kukuh dan berintegrasi tinggi dalam rantaian bekalan AI dijangka memperoleh manfaat yang lebih besar melalui pelaburan teknologi yang berterusan.

Secara keseluruhan, ekonomi global bagi 2026 dan 2027 dijangka dipengaruhi oleh dua faktor yang bertentangan iaitu tekanan geopolitik dan tenaga yang mungkin menjejaskan pertumbuhan manakala inovasi teknologi termasuk AI, teknologi teras dan infrastruktur digital dijangka menjadi sumber penting kepada daya tahan ekonomi. Justeru, pertumbuhan global yang mampan bergantung kepada keupayaan ekonomi menguruskan inflasi, keterjaminan tenaga, kestabilan kewangan dan risiko geopolitik secara efektif.

Rujukan

ASEAN+3 Macroeconomic Research Office (AMRO). (2026, June). *ASEAN+3 Growth Projection Unchanged but Inflation Expected to Trend Higher*. Retrieved from https://amro-asia.org/asean3-growth-projection-unchanged-but-inflation-expected-to-trend-higher/

Asian Development Bank. (2014, May). *Financial Monitoring in the New ASEAN-5 Countries*. Retrieved from https://www.adb.org/publications/financial-monitoring-new-asean-5-countries

Australian Bureau of Statistics. (2026, June). *Australian National Accounts: National Income, Expenditure and Product*. Retrieved from https://www.abs.gov.au/statistics/economy/national-accounts/australian-national-accounts-national-income-expenditure-and-product/latest-release

Australian Bureau of Statistics. (2026, July). *Consumer Price Index, Australia*. Retrieved from https://www.abs.gov.au/statistics/economy/price-indexes-and-inflation/consumer-price-index-australia/latest-release

Australian Bureau of Statistics. (2026, July). *Labour Force, Australia*. Retrieved from https://www.abs.gov.au/statistics/labour/employment-and-unemployment/labour-force-australia/latest-release

Bank of England. (2026, April 30). *Monetary Policy Report - April 2026*. Retrieved from https://www.bankofengland.co.uk/monetary-policy-report/2026/april-2026

Bank of Japan. (2026, April 28). *Outlook for Economic Activity and Prices (April 2026)* . Retrieved from https://www.boj.or.jp/en/mopo/outlook/gor2604a.pdf

Bank of Korea. (2026, May 28). *Korea Economic Outlook (May 2026)*. Retrieved from https://www.bok.or.kr/eng/bbs/E0000634/view.do?depth=400423&menuNo=400423&nttId=10098207&programType=newsDataEng&relate=Y#:~:text=%EB%93%B1%EB%A1%9D%EC%9D%BC%202026.05.28%20%EC%A1%B0%ED%9A%8C%EC%88%98%207334,May%202026)_f.pdf

Bank of Thailand. (2026, June). *Economic Outlook: Forecast Summary*. Retrieved from https://www.bot.or.th/en/thai-economy/economic-outlook.html

BPS-Statistics Indonesia. (2026, May). *BPS Records Indonesia's Q1 2026 Economic Growth at 5.61%, Surpassing Forecast*. Retrieved from https://business-indonesia.org/news/bps-records-indonesia-s-q1-2026-economic-growth-at-5-61-surpassing-forecast

Directorate-General for Economic and Financial Affairs (European Commission). (2026). *European Economic Forecast*. Retrieved from https://doi.org/10.2765/0071034

Economic and Social Research Institute, Cabinet Office Japan. (2026). *Japan GDP*. Retrieved from https://www.esri.cao.go.jp/jp/sna/data/data_list/sokuhou/gaiyou/pdf/main_1.pdf

Eurostat. (2026). Retrieved from https://ec.europa.eu/eurostat/databrowser/view/une_rt_q/default/table?lang=en

Eurostat. (2026). *Gross Domestic Product (GDP) and Main Components (Output, Expenditure and Income) - Quarterly Data*. Retrieved from https://ec.europa.eu/eurostat/databrowser/view/namq_10_gdp__custom_21978337/default/table

HR Asia. (2026). *Indonesia's unemployment rate declines to 4.68% in February 2026*. Retrieved from https://hr.asia/

International Monetary Fund (IMF). (2026, July). *2026 Article IV Consultation—Press Release; Staff Report; And Statement By The Executive Director For Singpore*. Retrieved from https://www.imf.org/-/media/files/publications/cr/2026/english/1sgpea2026001.pdf

International Monetary Fund (IMF). (2026, May 21). *France: Staff Concluding Statement of the 2026 Article IV Mission*. Retrieved from https://www.imf.org/en/news/articles/2026/05/21/mcs-052126-france-staff-concluding-statement-of-the-2026-article-iv-mission

International Monetary Fund (IMF). (2026, April). *How the War in the Middle East Is Affecting Energy, Trade, and Finance and World Economic Outlook*. Retrieved from https://www.imf.org/en/blogs/articles/2026/03/30/how-the-war-in-the-middle-east-is-affecting-energy-trade-and-finance

International Monetary Fund (IMF). (2026, February 18). *IMF Executive Board Concludes 2025 Article IV Consultation with China*. Retrieved from https://www.imf.org/en/news/articles/2026/02/18/pr-26053-china-imf-executive-board-concludes-2025-article-iv-consultation

International Monetary Fund (IMF). (2026, April 3). *IMF Executive Board Concludes 2026 Article IV Consultation with Japan*. Retrieved from https://www.imf.org/en/news/articles/2026/04/02/pr-26105-japan-imf-executive-board-concludes-2026-article-iv-consult

International Monetary Fund (IMF). (2026, July 16). *IMF Executive Board Concludes 2026 Consultation with Euro Area*. Retrieved from https://www.imf.org/en/news/articles/2026/07/16/pr26247-euro-area-imf-concludes-2026-consultation

International Monetary Fund. (2026, July). *Singapore: 2026 Article IV Consultation-Press Release; Staff Report; and Statement by the Executive Director for Singapore*. Retrieved from https://www.imf.org/en/publications/cr/issues/2026/07/20/singapore-2026-article-iv-consultation-press-release-staff-report-and-statement-by-the-577814

McKinsey & Company. (2026, June). *Southeast Asia quarterly economic review: Tech tailwinds drive a two-speed region*. Retrieved from https://www.mckinsey.com/featured-insights/future-of-asia/southeast-asia-quarterly-economic-review

Ministry of Manpower Singapore. (2026, June 15). *Labour Market Report 1Q 2026*. Retrieved from https://www.mom.gov.sg/newsroom/press-releases/2026/0615-lmr-1q-2026

Ministry of Trade and Industry Singapore. (2025, August 12). *MTI Upgrades 2025 GDP Growth Forecast to "1.5 to 2.5 Per Cent"*. Retrieved from https://www.mti.gov.sg/newsroom/mti-upgrades-2025-gdp-growth-forecast-to-1-5-to-2-5-per-cent/

Ministry of Trade and Industry Singapore. (2026, May 25). *MTI Maintains 2026 GDP Growth Forecast at "2.0 to 4.0 Per Cent"*. Retrieved from https://www.mti.gov.sg/newsroom/mti-maintains-2026-gdp-growth-forecast-at--2-0-to-4-0-per-cent-/

Monetary Authority of Singapore. (2026, September). *MAS Core Inflation*. Retrieved from https://www.mas.gov.sg/statistics/mas-core-inflation

National Bureau of Statistics of China. (2026, July 17). *Preliminary Accounting Results of GDP for the Second Quarter and the First Half of 2026*. Retrieved from https://www.stats.gov.cn/english/PressRelease/202607/t20260717_1964160.html

OECD. (2026). *OECD 2026 Volume 1 - France.* OECD.

OECD. (2026). *OECD Economic Outlook, Volume 2026 Issue 1*. Retrieved from Under Pressure, OECD Publishing, Paris: https://doi.org/10.1787/2d1956f0-en

OECD. (2026, February). *OECD Economic Surveys: Philippines 2026*. Retrieved from https://www.oecd.org/content/dam/oecd/en/publications/reports/2026/02/oecd-economic-surveys-philippines-2026_cc282bc0/f0e0c581-en.pdf

Official National Statistics and Economic Studies Institute of France (INSEE). (2026, September 15). *Consumer Price Index Base 2025 year on year change All households France*. Retrieved from https://www.insee.fr/en/statistiques/serie/011814632#Tableau

Philippine Statistics Authority. (2026, September 4). *Consumer Price Index and Inflation Rate*. Retrieved from https://psa.gov.ph/price-indices/cpi-ir

Philippine Statistics Authority. (2026, May 7). *GDP Grows by 2.8 Percent in the First Quarter of 2026*. Retrieved from https://psa.gov.ph/content/gdp-grows-28-percent-first-quarter-2026

Philippine Statistics Authority. (2026, May). *GDP Grows by 2.8 Percent in the First Quarter of 2026*. Retrieved from https://psa.gov.ph/content/gdp-grows-28-percent-first-quarter-2026

Philippine Statistics Authority. (2026, June 9). *Number of employed persons in April 2026 increased to 48.89 million Filipinos aged 15 years and over*. Retrieved from https://psa.gov.ph/system/files/iesd/Press-Release-for-April-2026-LFS.pdf

Philippine Statistics Authority. (2026, June). *Number of employed persons in April 2026 increased to 48.89 million Filipinos aged 15 years and over*. Retrieved from https://psa.gov.ph/system/files/iesd/Press-Release-for-April-2026-LFS.pdf

Philippine Statistics Authority. (2026, September). *Summary Inflation Report Consumer Price Index (2018=100): August 2026*. Retrieved from https://psa.gov.ph/price-indices/cpi-ir

Singapore Department of Statistics. (2026, May). *Singapore Consumer Price Index*. Retrieved from https://www.singstat.gov.sg/files/190ca70b-2d16-41a5-9298-fee401cb0cfe.pdf

Statistic Bureau of Japan. (2026). *Latest indicators*. Retrieved from https://www.stat.go.jp/english/

Trading Economics. (2026). *Indonesia Inflation Rate*. Retrieved from https://tradingeconomics.com/indonesia/inflation-cpi

U.S. Bureau of Economic Analysis (BEA) . (2026). *GDP releases for Q1 2025, Q2 2025 and Q2 2026*. Retrieved from https://www.bea.gov/news/2025/gross-domestic-product-2nd-quarter-2025-third-estimate-gdp-industry-corporate-profits

U.S. Bureau of Economic Analysis (BEA). (2026). *BEA, GDP Advance Estimate, Q2 2026*. Retrieved from https://www.bea.gov/news/2026/gdp-advance-estimate-2nd-quarter-2026

U.S. Bureau of Economic Analysis (BEA). (2026). *GDP Third Estimate, Q1 2026; GDP Advance Estimate, Q2 2026*. Retrieved from https://www.bea.gov/news/2026/gdp-advance-estimate-2nd-quarter-2026

U.S. Energy Facts and Today in Energy. (2026). *The United States has been an annual net total energy exporter since 2019*. Retrieved from https://www.eia.gov/energyexplained/us-energy-facts/imports-and-exports.php

U.S. Energy Information Administration (EIA). (2026). *The United States is a major energy exporter and importer, especially for petroleum*. Retrieved from https://www.eia.gov/todayinenergy/detail.php?id=67724&utm_s

UK Office for National Statistics (ONS). (2026). *Consumer Price Inflation, UK: March 2026*. Retrieved from https://www.ons.gov.uk/economy/inflationandpriceindices/bulletins/consumerpriceinflation/march2026

UK Office for National Statistics (ONS). (2026). *GDP Quarterly National Account, UK: January to March 2026*. Retrieved from https://www.ons.gov.uk/economy/grossdomesticproductgdp/bulletins/gdpfirstquarterlyestimateuk/januarytomarch2026

UK Office for National Statistics (ONS). (2026, May). *Labour Market Overview, UK: May 2026*. Retrieved from https://www.ons.gov.uk/employmentandlabourmarket/peopleinwork/employmentandemployeetypes/bulletins/uklabourmarket/may2026

Venkateswaran, L *et al*. (2026). OCBC Group Research: ASEAN-5, 1-10. https://ocbc.com/iwovresources/sglocbc/gbe/pdf/regional

World Economic Outlook. (2026, July). Retrieved from https://www.imf.org/en/publications/weo/issues/2026/07/08/world-economic-outlook-update-july-2026

World Economic Outlook. (2026, April). Retrieved from https://www.imf.org/en/publications/weo/issues/2026/04/14/world-economic-outlook-april-2026